



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 81097
87020 Wilayah Persekutuan Labuan

Telefon : 087-583351 / 587353 / 583357
Fax : 087-583352 / 583355
Laman Web : jpwpl.moe.gov.my
Emel : jpnlabuan@moe.gov.my

Rujukan : JPWPL.600-3/4/35 JLD8 (22)
Tarikh : 17 Ogos 2023

Puan Norhana Hamim
Pengarah
Jabatan Program
PETROSAINS, The Discovery Center,
Petrosains Sdn Bhd
50088 KUALA LUMPUR

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN PELAKSANAAN PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2023 BAGI SARINGAN PERINGKAT ZON

Dengan hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak tuan yang diterima pada 10 Ogos 2023 adalah berkaitan.

2. Setelah meneliti surat permohonan tuan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** kepada pihak tuan untuk **permohonan kebenaran pelaksanaan Petrosains RBTX Challenge 2023 Bagi Saringan Peringkat Zon pada 3 September 2023**. Walau bagaimanapun, pihak JPN ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi **Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 5/2018, Bil. 10/2011, Bil. 2/2010 dan Bil. 8/2009**.

3. Untuk menjayakan program tersebut, pihak tuan dinasihatkan supaya mengadakan perbincangan bersama **Pengetua atau Guru Besar** sekolah terlibat mengenai kaedah terbaik melaksanakannya di samping mematuhi syarat-syarat berikut :

- 3.1 **Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**
- 3.2 Jika ada penyertaan dalam kalangan guru dan warga sekolah, hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berkenaan;
- 3.3 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua yang terlibat dengan program ini;
- 3.4 Warga sekolah **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini dan pihak penganjur adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan warga sekolah yang terlibat;
- 3.5 Tiada sebarang unsur negatif mengenai sekolah dan warganya dibangkitkan dalam sesi tersebut dan **penyertaan hendaklah secara sukarela;**
- 3.6 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk makan, minum, penginapan dan tuntutan perjalanan peserta yang hadir; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;**
- 3.7 Pihak tuan dipohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;

"Labuan Hebat, Guru Sayang Muridnya"

"Kecemerlangan Pendidikan & Kemenjadian Murid W.P. Labuan Bermula Di Sini"
Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung

Rujukan : JPWPL.600-3/4/35 JLD8(22)
Tarikh : 17 Ogos 2023

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN PELAKSANAAN PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2023
BAGI SARINGAN PERINGKAT ZON**


- 3.8 Tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan W.P. Labuan, sekolah, guru dan murid yang terlibat secara paksaan;
 - 3.9 Pihak penganjur perlu memantau aktiviti yang boleh mendedahkan peserta kepada keadaan cuaca panas dan menangguhkan semua aktiviti luar (*outdoor*) yang sedang berlangsung sekiranya berlaku peningkatan suhu melebihi 35°C.
 - 3.10 Penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat, KPM selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini;**
 - 3.11 Semua syarat dan peraturan di atas hendaklah dipatuhi dan Jabatan Pendidikan W.P. Labuan boleh menarik balik kelulusan ini bila-bila masa.
 - 3.12 **Pihak tuan perlu mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan oleh KPM; Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang program dijalankan, dan**
 - 3.13 Semua syarat dan peraturan di atas hendaklah dipatuhi dan Jabatan Pendidikan W.P. Labuan boleh menarik balik kelulusan ini bila-bila masa sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM, MKN dan KKM.
4. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **Petrosains Sdn. Bhd.** yang akan menganjurkan **Petrosains RBTX Challenge 2023 Bagi Saringan Peringkat Zon pada 3 September 2023 sahaja.** Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Jabatan Pendidikan WP Labuan.
5. **Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 3 September 2023.**

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(EMALLY JOHNY)

b.p. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan W.P. Labuan

s.k Pengetua/ Guru Besar
Sekolah Menengah / Sekolah Rendah
Wilayah Persekutuan Labuan

**SENARAI NAMA PESERTA PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2023
PERINGKAT ZON WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

CATEGORY	SCHOOL NAME	ADVISOR NAME	TEAM	PARTICIPANT NAME
ROBO SUMO 1KG	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BEDAUN	FAISAL FIRDAUS BIN TUAH	SKSB	LUQMAN HAKIM BIN FAISAL FIRDAUS
	SEKOLAH MENENGAH SAINS LABUAN	FAISAL FIRDAUS TUAH	EXCEL RHINO	ABDUL HADII BIN ABDUL KAHAR MUHAMAD AQIF HAKIMI BIN ABDUL GANI
	SMA MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	AMANSA BIN AMMING	PANG5 SMA 2	CHE WAN AHMAD ASYRAF BIN CHE WAN MAT YUSDI MUHAMMAD AIMAN IQBAL BIN SERHAN

CATEGORY	SCHOOL NAME	ADVISOR NAME	TEAM	PARTICIPANT NAME
ROBO TRACER ADVANCE	LABUAN INTERNATIONAL SCHOOL	WARNNIE BINTI MUSAH	LIS TEAM A	MOHAMMAD IRFAN BIN DIN ERWANDY THORIQ BIN ZULKARNAIN
	SEKOLAH MENENGAH SAINS LABUAN	FAISAL FIRDAUS BIN TUAH	EXCEL CODER	LUQMAN HAFIZ BIN ABD GHAFFAR MUHAMMAD ADRIAN BIN SHUIZAM

CATEGORY	SCHOOL NAME	ADVISOR NAME	TEAM	PARTICIPANT NAME
ROBO TRACER JUNIOR	LABUAN INTERNATIONAL SCHOOL	MUHAMMAD AZAM BIN ABANG AFFANDI	LIS TEAM B	AIDAN SHUNG THIEN TZE XAVIER YUHENG NELSON